

M34 - BM - Latihan Pemahaman 4

A. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Kepentingan Air Kepada Manusia

Badan manusia mengandungi hampir tujuh puluh peratus air. Air memainkan peranan yang penting di dalam badan manusia. Sebagai contoh, air melaraskan suhu badan. Nutrien dan oksigen juga dibawa ke sel-sel tubuh badan oleh air.

Selain itu air merupakan sumber yang sangat penting kepada alam semula jadi dan manusia. Antara kepentingan air kepada manusia ialah sebagai keperluan dalam rumahtangga, kegunaan dalam bidang pertanian, pengangkutan dan seterusnya dalam menghasilkan tenaga elektrik.

Seterusnya air juga digunakan sebagai sumber untuk menghasilkan tenaga elektrik. Tenaga elektrik yang dibekalkan ke rumah-rumah di seluruh negara kebanyakannya dari pusat penjanakuasa hidro elektrik. Sebagai contoh bekalan elektrik yang dibekalkan ke Daerah Tuaran adalah dari Penjanakan Kuasa Empangan Pangi Tenom. Tenaga elektrik sangat penting kepada kehidupan kita dewasa ini kerana peralatan di rumah atau di pejabat menggunakan kuasa elektrik.

Kesimpulannya, air merupakan sumber yang sangat penting dalam kehidupan manusia dari dulu sehinggalah sekarang. Oleh itu, kita perlulah menghargai dan bersikap berjimat cermat terhadap penggunaan air. Semoga bekalan air di negara kita akan kekal mencukupi untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

a. Di dalam tubuh badan manusia, air berperanan untuk

b. Bagaimanakah Daerah Tuaran mendapat bekalan tenaga elektrik ?

c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah di tunjukkan sebagai contoh

Badan manusia mengandungi hampir tujuh puluh peratus air

kita perlu menggunakan air tanpa kawalan

air merupakan sumber yang sangat penting dalam kehidupan manusia dari dulu sehinggalah sekarang

pusat penjanakuasa hidro elektrik membekalkan elektrik hanya di beberapa buah rumah

betul

salah

B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. Warnakan gambar di bawah.



hutan menjerang berkhemah memasang seronok

Tiga orang murid sedang Mereka berkhemah di dalam Seorang murid sedang air. Terdapat murid yang sudah siap khemah. Mereka berasa sungguh berkhemah bersama-sama.